

TRAGEDI

HASIL SIASATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA TERHADAP KES KEBAKARAN PUSAT TAHFIZ DARUL QURAN ITTIFAQIYAH

A

Kronologi kebakaran

- ➔ Petrol dicurahkan di rak tualet, rak kasut dan dinding di hadapan pintu masuk bilik asrama
- ➔ Api dinyalakan bermula di kawasan rak berkenaan. Kebakaran kemudian merebak ke siling dan membakar pintu masuk bilik asrama
- ➔ Api marak dengan cepat berpunca daripada gas LPG yang dilepaskan dari dua silinder gas di hadapan pintu masuk asrama
- ➔ Api seterusnya merebak ke seluruh bilik asrama [Kewujudan bahan mudah terbakar seperti tilam turut menyebabkan api marak dan meningkatkan bahang

B

Info

- ➔ 21 pelajar terbunuh
- ➔ 2 guru/warden terbunuh
- ➔ 7 suspek ditahan

Kejadian berlaku jam 5.10 pagi

Curah petrol di rak kasut, rak tualet, dinding

➔ Api merebak dengan cepat disebabkan pelepasan gas LPG: Bomba

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kuala Lumpur, Khamis lalu, disebabkan oleh api dinyalakan menggunakan petrol, yang dicurahkan pada rak tualet, rak kasut dan dinding di hadapan pintu masuk bilik asrama aras tiga premis itu.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata siasatan pihaknya mendapati kebakaran kemudian dipercayai merebak ke siling dan membakar pintu masuk aras tiga pusat tahfiz itu.

"Api marak dan cepat merebak ke seluruh asrama disebabkan pelepasan gas LPG (gas petroleum cecair) dari dua silinder gas yang ditemui di hadapan pintu masuk asrama.

Kesan sisa petrol di dinding

"Tambahan pula, fire load (bahan mudah terbakar) yang banyak di bilik asrama menyebabkan api cepat marak dan meningkatkan lagi bahang api, mengakibatkan mangsa yang sedang tidur terkorban dalam masa yang singkat," katanya pada sidang media khas di ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, di sini, semalam.

Wan Mohd Nor berkata, ber-

dasarkan penemuan kebakaran, punca kebakaran yang mengorbankan 21 pelajar dan dua warden pusat tahfiz itu adalah perbuatan sengaja dibakar.

Katanya, pasukan bomba mengesan petunjuk kebakaran itu disengajakan kira-kira jam 1 tengah hari pada hari kejadian, selepas mengesan sisa petrol pada dinding di kawasan rak berkenaan, yang kemudian dihantar ke makmal untuk dianalisis.

"Kebakaran didapati bermula di pintu masuk bilik asrama aras tiga itu. Ini berdasarkan keterangan saksi dan mangsa yang terselamat, selain disokong melalui kesan api pada dinding berdekatan pintu masuk, kerosakan teruk pada pintu, siling, almari dan rak kasut serta kebakaran penuh pada dinding sekeliling pintu," katanya.

Wan Mohd Nor berkata, dua bahan bukti turut ditemui di tempat kejadian iaitu dua silinder gas



Wan Mohd Nor Ibrahim



LPG berwarna hijau berbelang merah di hadapan pintu masuk bilik asrama, yang kedua-duanya sudah kosong dengan injap silinder dalam keadaan terbuka.

"Unit Pengesanan (K9) juga mengesan tujuh tempat (punca kebakaran) dan tujuh sampel diambil di hadapan pintu asrama. Dalam kes ini, empat anjing pengesanan digunakan (satu demi satu) dan semuanya menunjukkan tempat yang sama.

Tiada spanar ditemui

"Sampel ini dianalisis oleh pegawai kimia di Makmal Penyelidikan Kebakaran Kuala Lumpur dan didapati empat sampel berkenaan mengandungi sisa cecair mudah menyalakan jenis petrol," katanya.

Selain itu, Wan Mohd Nor turut menafikan terdapat spanar digunakan untuk menyendal pintu masuk, yang sebelum ini didakwa

digunakan untuk menghalang mangsa keluar dari bilik asrama itu.

Mengulas usaha menyelamat pada hari kejadian, beliau berkata kebakaran dapat dikawal sepenuhnya pada jam 6.29 pagi dan anggota bomba berjaya membawa keluar lima sekeluarga yang tinggal di bilik warden dengan menggunakan tangga jentera bomba dan melalui tangga belakang.

"Apabila pasukan bomba sampai di bilik asrama semasa pemadaman dan menyelamat, mereka tidak mendengar apa-apa suara pelajar dan hanya selepas berjaya masuk ke dalam bilik asrama mereka menemui mangsa yang mati dalam kebakaran," katanya.

Katanya, laporan penuh kebakaran itu sudah pun dihantar kepada pihak polis kelmarin untuk tindakan lanjut.

DEEN GRAFIK BH